

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

MSU CATAT REKOD DALAM SAMBUTAN HARI AIDS
17 Feb 2010
Remaja
NEWS
N/A
Fortnight
76,315 / 181,318

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
144
237 cm²
Full Color
2,052
6,156



MSU CATAT REKOD DALAM SAMBUTAN HARI AIDS

Bersempena dengan sambutan Hari Aids Sedunia, Student & Career Development (SCD) dari Management & Science University (MSU) telah merancang untuk mencatat rekod baru dalam Malaysia Book of Records. Dan ternyata usaha itu bukan satu yang sia-sia apabila seramai 80 pelajar MSU telah menyertai MSU Aids Awareness Run 2009 melibatkan larian baton tanpa henti sejauh 2200 km serta mengambil masa selama 168 jam. Acara larian ini telah berlangsung selama 7 hari 6 malam yang telah bermula pada 10 Disember lalu bertempat di Tasik Shah Alam sekali gus menjadi satu rekod baru di dalam Malaysia Book of Records termasuk rekod MSU sendiri. Ia merupakan sebahagian daripada usaha yang dijalankan MSU dalam memberikan kesedaran tentang AIDS terhadap para pelajar khususnya dan masyarakat amnya. Acara ini juga bertujuan untuk membangkitkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang bahayanya AIDS serta kempen yang dijalankan.

Antara aktiviti-aktiviti lain pernah dijayakan ialah Rekod Penyusunan Syiling RM1 Terpanjang (518.4 meter), Rekod Kacau Dodol Paling Lama (114 jam), Larian Baton Berganti-Ganti Tanpa Henti (50 jam), Kinabalu Merdeka Challenge: menghasilkan Jalur Gemilang yang berukuran sepanjang 2.3 km untuk di rentangkan dari kemuncak ke kaki Gunung Kinabalu, The Longest Non Stop Patriotic Songs Singing Event, Rekod Menyusun Syiling 1 Sen Berbentuk Reben Aids Terbesar, Acara Memasak Kacang Foul Tanpa Henti Paling Lama dan Acara Menyusun Daun Teh dalam Bentuk Logo Kolej PTPL Terbesar Kesemua program yang pernah dijalankan masing-masing melibatkan pelajar berbilang kaum. Penglibatan ini menunjukkan perpaduan, keakraban dan semangat patriotisme dalam merealisasikan hasrat untuk melaksanakan program ini secara bersama. Selain itu, ianya bertujuan untuk menyeimbangkan di antara aktiviti akademik dan ko-kurikulum dan secara tidak langsung akan melahirkan graduan yang berkualiti dan mempunyai nilai 'softskill' yang tinggi.

